

# FLEI tarik 56 pelabur berpotensi

Negara jiran tunjuk minat tinggi melabur dalam jenama francais Malaysia

Jakarta  
Ahmad Suhael  
Adnan  
[ahmad.suhael@bh.com.my](mailto:ahmad.suhael@bh.com.my)



**Sekurang-kurangnya** 56 pelabur berpotensi berjaya diperoleh 11 francaisor Malaysia dalam Ekspo Francais dan Pelesenan Indonesia (FLEI) 2019, di sini, dengan nilai pelaburan mencecah lebih RM12 juta.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Muez Abd Aziz, berkata jumlah itu direkodkan setakat kelmarin dan dijangka terus bertambah sehingga FLEI 2019 berakhir hari ini.

Katanya, semua pelaburan berpotensi itu menunjukkan minat tinggi untuk melabur dalam jenama francais Malaysia, apabila turut menandatangani perjanjian dengan francaisor Malaysia.

"Kita menyasarkan francaisor Malaysia 'mengunci' sekurang-kurangnya pelaburan bernilai RM15 juta dalam tempoh tiga hari FLEI 2019 berlangsung," katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Konvensyen Jakarta (JCC) di sini, semalam.

Beliau berkata, ia adalah kejayaan misi KPDNHEP di Jakarta, selaras usaha kementerian mengembangkan jenama francais Malaysia di Indonesia.

"Permintaan terhadap produk luar sangat tinggi di Indonesia dan kita perlu merebut kesem-



*Kita sasarkan francaisor Malaysia 'mengunci' sekurang-kurangnya pelaburan bernilai RM15 juta dalam tempoh tiga hari FLEI 2019 berlangsung.*

Muez Abd Aziz,  
Ketua Setiausaha KPDNHEP

patan ini memandangkan republik ini memiliki pasaran yang sangat luas dengan 245 juta penduduk dan 17,000 pulau," kataanya.

Terdahulu, Muez mengetuai pertemuan KPDNHEP dan francaisor Malaysia dengan wakil Persatuan Francais dan Pelesenan Indonesia (WALI) yang diketuai Pengerusinya, Levita Supit.

Dalam pertemuan itu, Levita antaranya menjemput peniaga Malaysia untuk meneroka pasaran di luar Jakarta, yang memiliki aliran tunai dan perkembangan ekonomi lebih baik seperti Surabaya, Medan, Sulawesi dan Kalimantan.

Dalam perkembangan lain, Muez berkata, Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Penderma dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat bulan depan, bagi melindungi penderma, penaja dan pihak berkaitan program Food Bank Malaysia daripada tindakan undang-undang.

Katanya, menerusi RUU itu, penerima sumbangan Food Bank Malaysia tidak boleh mengambil tindakan undang-undang kepada penderma jika berlaku 'kecacatan' pada makanan.

Untuk dilindungi undang-undang itu, katanya, penderma perlu mematuhi beberapa peraturan yang akan digariskan secara terperinci, khususnya membabitkan penjagaan kebersihan dan keselamatan makanan yang disumbangkan.

"RUU ini digubal kerana kita mahu menggalakkan lebih ramai penderma menyumbang kepada program Food Bank Malaysia, sekaligus memastikan kelangsungan bantuan makanan kepada golongan B40.

"Penderma juga perlu mematuhi segala peraturan dan prosedur yang akan digariskan selepas RUU ini diluluskan di Parlimen, khususnya membabitkan kebersihan dan tarikh luput makanan," katanya.

**BH**  
**AHAD**

HARI :  
TARIKH :  
M/SURAT :

15/9/2019  
AHAD  
5